



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari pada 23 Februari 2024

Untuk Terbitan Media  
23 Februari 2024

## **SIARAN MEDIA**

**SEDEKAD PUSAT REHABILITASI PERKESO: 15,664 INDIVIDU TERIMA RAWATAN PEMULIHAN DI PUSAT REHABILITASI PERKESO  
ALERT: 10,615 INDIVIDU BERJAYA PULIH SEPENUHNYA**

**KOTA KINABALU:** Seramai 15,664 individu telah menerima rawatan pemulihan di Pusat Rehabilitasi milik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sejak 1 Oktober 2014 hingga 31 Januari lalu.

Pengarah Eksekutif Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR), Datuk Dr. Hafez Hussain memaklumkan daripada 15,664 individu terbabit 783 individu bersamaan lima peratus yang menjalani rawatan pemulihan adalah daripada Sabah.

"Sejak PERKESO mula menawarkan rawatan pemulihan di PRPTAR, pusat -pusat rehabilitasi satelit serta pusat rehabilitasi rakan strategik PERKESO dianggarkan lebih 67 peratus bersamaan 10,615 pesakit meliputi pelbagai golongan, iaitu penjarum, suri rumah, pekerja asing dan bukan penjarum telah berjaya pulih sehingga berupaya kembali bekerja dan mampu berdikari.

"Program Jelajah Sedekad Pusat Rehabilitasi PERKESO dilaksanakan bersempena sedekad penubuhan pusat rehabilitasi ini dengan tujuan memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan peranan PERKESO dalam menyediakan perlindungan inklusif dan komprehensif sepanjang hayat bermula daripada kelahiran hingga kematian (from womb to tomb) kepada golongan penjarum dan tanggungan mereka demi memastikan bahawa tiada sesiapa yang terpinggir termasuk perkhidmatan pemulihan PERKESO merangkumi perkhidmatan rehabilitasi.

"Seramai 82 orang menyertai program melibatkan wakil agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan, wakil majikan, wakil pekerja, hospital, pusat perubatan dan pemimpin masyarakat sekitar Sabah serta pegawai-pegawai pemulihan Pejabat PERKESO Negeri Sabah.

"Peserta program ini berpeluang mengenali pelbagai alatan pemulihan yang ditawarkan PERKESO melalui sesi demonstrasi alatan pemulihan seperti katil pesakit hospital, alat bantu jalan, kerusi roda, lampin pakai buang dewasa, peralatan prostetik dan ortotik dan sebagainya," jelas beliau ketika berucap di Program Jelajah Sedekad Pusat Rehabilitasi PERKESO, Hotel Hyatt Regency, Kota Kinabalu di sini semalam.

Turut hadir dalam siri jelajah ini adalah Ketua Bahagian Perubatan Pemulihan dan Pencegahan PERKESO, Dr. Azlan Darus serta Pengarah Pejabat PERKESO Negeri Sabah, Dr. Mohd Ali Hindia.

PERKESO turut menawarkan perkhidmatan rehabilitasi dengan kerjasama Hospital Queen Elizabeth di Sabah dan rakan strategik di Hospital Universiti Malaysia Sabah, KPJ Sabah Specialist dan Tawau Specialist Medical Centre.

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

#### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**23 Februari 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Mohd Wazid Zaidon**

**+6017-619 3181**

**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**